

Tinggal Serumah Dengan LGBT: Satu Diskusi Menurut Perspektif Syarak

[Living Together with LGBT: A Discussion from the Sharia Perspective]

**Mohd Azhar Abdullah¹, Nur Azwani Mansor², Abdul Azib Hussain²,
Muhammad Lukman Ibrahim³ & Khairulnazrin Nasir⁴**

- ¹ (Corresponding Author) Department of al-Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Sultan Ismail Petra Internasional Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: dr.har68@gmail.com
- ² Department of al-Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Sultan Ismail Petra Internasional Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia. E-mail: azwanimansor@kias.edu.my, azibhussain83@gmail.com
- ³ Department of al-Quran and Hadith, Islamic Science University of Malaysia, 71800 Nilai, Malaysia. E-mail: mdlukman@usim.edu.my
- ⁴ Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya Education Centre, 16310 Bachok, Malaysia. E-mail: khairulnazrin@um.edu.my

ABSTRACT

Living together with individuals who identify as lesbian, gay, bisexual, or transgender (LGBT) demands significant consideration, particularly when they cohabit as partners. The promotion of LGBT ideologies alongside social media advancements and human rights advocacy has led to an increasing prevalence of same-sex relationships. Some youth in Malaysia have embraced LGBT as a modern, liberated lifestyle. They engage in intimate relationships, including cohabitation between gay or lesbian partners, as though they were married couples, disregarding religious boundaries and moral values. The public often remains indifferent to such cohabitation due to the assumption that it involves individuals of the same gender. While there is extensive research on gender identity disorders among LGBT individuals, which covers aspects such as contributing factors, influences, psychology, and rehabilitation, there is limited discourse from a Sharia perspective on the legality and implications of cohabitation. This study uses a qualitative method to look at the basics of Islamic law in this area. Specifically, it looks at the possible dangers of slander (fitnah) and how the principle of sadd zara'i (blocking the means) can be used to stop immoral acts. The strength of this research is supported by evidence that unrestricted social interactions can lead to negative psychological impacts and deviant behaviours. The primary objective of this study is to provide an in-depth understanding of the Sharia prohibitions against same-sex intimate relationships. Additionally, the study proposes Sharia-compliant guidelines for situations where individuals may cohabit with LGBT persons.

Keywords: *Social interactions; LGBT; Cohabitation; Fitnah; Islamic guidelines.*

ABSTRAK

Tinggal satu rumah dalam kalangan kelompok gay, lesbian, biseksual, transgender (LGBT) perlu diberikan perhatian serius, sementelah apabila mereka berkesedudukan. Pergaulan luar tabii antara pasangan sejenis semakin berkembang. Ideologi LGBT digerakkan seiring kemajuan media sosial dan perjuangan prinsip-prinsip hak asasi kemanusiaan (*human rights*). Sebahagian remaja dan belia di Malaysia telah terpengaruh dengan LGBT yang dianggap sebagai gaya hidup moden dan bebas. Mereka menjalankan hubungan intim, termasuk tinggal serumah dengan gay atau lesbian seperti suami isteri. Mereka tidak mempedulikan batasan agama dan nilai moral. Sebahagian masyarakat bersikap acuh terhadap pasangan luar tabii yang tinggal serumah kerana persamaan jantina. Terdapat banyak kajian berkaitan kecelaruan jantina kelompok LGBT dari sudut faktor, pengaruh, psikologi dan pemulihan. Namun, perbincangan menurut perspektif hukum syarak, mereka tinggal dalam satu rumah belum diperincikan kajiannya. Menggunakan kaedah kajian kualitatif, kajian ini meninjau asas-asas syarak, khususnya *sejauh* mana tahap kemungkinan fitnah dan keperluan pemakaian kaedah *sadd zara'i* bagi menutup pintu-pintu kemungkaran. Kekuatan kajian disokong oleh faktor pergaulan bebas yang menyumbang kepada psikologi negatif dan perlakuan luar tabii. Tujuan utama kajian adalah memberikan kefahaman yang mendalam tentang tegahan syarak tentang bahayanya hubungan sama jantina. Selain itu, kajian ini mengemukakan garis panduan syarak bagi seseorang lelaki atau perempuan tinggal serumah dengan golongan LGBT.

Kata Kunci: Pergaulan; LGBT; Satu Rumah; Berkesedudukan; Fitnah.

How to Cite:

Received: 16-10-2022
Revised: 17-11-2024
Accepted: 21-11-2024
Published: 23-11-2024

Abdullah, M. A., Mansor, N. A., Hussain, A. A., Ibrahim, M. L. & Nasir, K. (2024). Tinggal Serumah Dengan LGBT: Satu Diskusi Menurut Perspektif Syarak. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 203-222.

1. Pendahuluan

Al-Quran menyebut kisah Nabi Lut a.s melalui 85 ayat dalam 12 surah. Isu-isu utama yang disentuh adalah umat Nabi Luth a.s mengamalkan sodomi sehinggalah mereka dibinasakan dan ditenggelamkan ke dasar bumi di negara Jordan (al-Khalidi, 2019). Aliran ini terus bergerak dalam dunia moden dalam kerangka fahaman liberalisme dan pluralisme. Mereka

membelakangi nilai-nilai moral bahkan wewenang menafsir ayat-ayat al-Quran secara bebas menurut ideologi sekular. Mereka memutar belit istilah homoseksualiti atau sodomi dengan dakwaan bahawa al-Quran dan hadis tidak menyatakannya secara jelas (Putri Keumala, 2017). Siti Fatimah (2005) membidas tulisan “*What the Quran says about homosexuality*” yang menyatakan al-Quran tidak menjelaskan tentang homoseksualiti, bahkan kisah Nabi Luth dalam al-Quran telah disalahtafsir.

Dalam dunia akademik, *transgender* mula dibincangkan oleh Magnus Hirschfeld (1869-1935) dalam buku “*Transvestites: An Investigation of The Erotic Desire To Cross Dress*”. Kemudian pada tahun 1960-an Virginia Prince menukar istilah “*trans*” yang dipopularkan oleh Dr. Henry Benjamin pada tahun 1970-an kepada *transgender*. Akronim LGBT adalah asing bagi budaya masyarakat Malaysia. LGBT merujuk kepada gay, lesbian, biseksual dan *transgender*. Kemudian telah berkembang kepada LGBTQ (lesbian, gay, biseksual, transgender dan queer). *Queer* ini adalah golongan yang memayungi semua kategori di bawah orientasi seksual. Kemudian berkembang kepada LGBTIQ (*intersexual*) yang merangkumi kelompok khunsa. Mutakhir ini, akronim paling panjang adalah LGBTIQIAP2SAA yang merujuk kepada semua golongan dalam orientasi seksual dan identiti gender, iaitu lesbian, gay, biseksual, *transgender*, *queer* and *questioning*, *interseks*, *panseksual*, *2s* (*two spirit*), *aseksual* dan *allies*.

Gerakan LGBT kini telah diangkat menjadi satu gerakan sosial yang tersusun. Mereka menuntut hak kesamarataan bagi golongan minoriti yang mereka mendakwa ditindas dan dizalimi oleh masyarakat dunia disebabkan homophobia dan transfobia (Siti Hajar, 2008). Suara-suara perjuangan mereka mula mendapat perhatian di arus antarabangsa melalui penyerapan simbol-simbol solidariti seperti piagam Hak-Hak Asasi Manusia (HAM), kelab-kelab bola sepak ternama dunia dan pertandingan peringkat kelab, negara dan dunia. Himpunan Hari Wanita Sedunia yang diadakan di ibu negara pada hari Sabtu, 9 Mac 2019 bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur telah dicemari dengan sekelompok golongan yang mengambil kesempatan untuk mempromosikan dan menuntut hak selaku golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) secara terang-terangan (Mahfudzah, 2015; Putri Keumala, 2017). Mufti Wilayah Persekutuan secara terang-terangan menekankan tentang bahayanya normalisasi LGBT. (Qalam Mufti #29, 2019). Isu dan cabaran hubungan luar tabie dihadapi oleh tamadun agama sawawi. Dakwah Nabi Lut a.s membuktikan bahawa tabiat luar tabii ini merupakan penyakit moral yang sukar dirawat dan seterusnya tenggelam timbul dalam sejarah. Oleh yang demikian, LGBT merupakan istilah baharu dan satu gerakan sosial dalam dunia moden.

Golongan LGBT mempunyai gelaran tertentu bagi melabelkan kumpulan mereka antaranya ialah mak yah, pondan, gay, pengkid, lesbian,

dan tomboi. Kelaziman bagi puak LGBT lebih cenderung kepada amalan sex sama jenis; lelaki sama lelaki atau perempuan dengan perempuan sehingga rela mengubah kejadian fitrah lelaki menjadi perempuan atau perempuan menjadi lelaki. LGBT sering terperangkap dalam kekeliruan antara identiti gender, jantina kelahiran dengan kecederungan seks. Identiti jantina ialah istilah psikologi yang menggambarkan ras diri individu sama ada lelaki atau wanita berdasarkan set budaya tertentu seperti sikap, pola tingkah laku atau mana-mana ciri berkaitan maskuliniti atau feminiti. Identiti gender ialah persepsi individu sebagai seorang lelaki atau perempuan. Dalam istilah akademik bagi menyingkap psikologi LBGT disebut sebagai kecelaruan identiti gender (*Gender Identiti Disorders*), iaitu ketidakselesaian berterusan oleh individu terhadap jantina mereka dan kemahuan untuk menjadi jantina sebaliknya (Puteri Hayati Megat, 2015)

Kajian terdahulu mendapati bahawa LGBT berlaku disebabkan faktor sosialisasi yang tidak sejajar dengan fitrah, bukan dari fitrah kelahiran (Jas Laile Suzana, 1996). Di Malaysia khususnya, LGBT menjadi isu negara sejak pertengahan 1970-an. Negeri Kelantan antara yang terawal mengeluarkan fatwa pengharaman pembedahan tukar jantina dalam Persidangan Majlis Ulamak Kelantan pada 18 Oktober 1975, kemudian Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan pada 13 Disember 1989. Namun begitu, gejala sosial ini semakin berleluasa di negara kita sejak kebelakangan ini, kegiatan LGBT semakin mendapat perhatian dan acap kali dijadikan bahan perbualan dalam kalangan anggota masyarakat. Gejala LGBT telah menjadi cara hidup yang diterima oleh masyarakat luar dan kini sedang meresap masuk dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia (Siti Mahfudzah, 2015; Solehah et. al, 2020). Perkembangan tersebut seolah-olah menunjukkan langkah-langkah pendidikan, pencegahan dan pemulihan yang dilaksana pihak kerajaan dan pihak berwajib tidak berkesan dalam menangani arus pergaulan luar tabii.

2. Metodologi Kajian

Kajian kepustakaan dan kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan berkaitan pergaulan sesama jenis; lelaki dengan lelaki atau perempuan dengan perempuan yang memiliki kecederungan seksual sesama jenis. Penulisan ini meneliti pendapat-pendapat fuqaha silam dan kontemporari bagi mendapat gambaran yang jelas berkaitan hukum syarak dan batasan pergaulan dengan gay atau lesbian, apatah lagi tinggal berdua-dua dalam satu rumah. Rumusan yang diperolehi dijadikan landasan teori bagi mengemukakan garis panduan syarak berdasarkan situasi-situasi atau aktiviti-aktiviti pergaulan dalam rumah. Dapatan-dapatan utama diperolehi berdasarkan kaedah analisis konseptual menunjukkan bahawa ulama

mengharamkan tinggal satu rumah dengan pondan atau lesbian berdasarkan kaedah fiqh *sadd al-zara'i* kerana kebimbangan timbulnya fitnah. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan langkah-langkah praktikal bagi mengelakkan kebimbangan timbulnya fitnah, sekali gus menuntut pihak-pihak yang berautoriti membuat pengawalan yang serius.

3. Asas Perbincangan

3.1 Maksud LGBT

LGBT bukanlah satu isu baru dalam tradisi fiqh Islam. Ulama telah membincangkannya secara mantap dalam bab *al-amrad*, *al-mukhannath* dan *al-khunsa*. *Al-khunsa* atau *Disorder of Sex Development* (DSB), iaitu seseorang yang memiliki dua jantina tidak relevan dalam kajian ini (Dewan Bahasa, 2007). Bagi memudahkan huraian dan kependekan ayat, kajian ini memilih golongan gay dan lesbian bagi mewakili golongan LGBT. Istilah gay ialah lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, lelaki homoseksual. Manakala istilah lesbian ialah perempuan yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, perempuan homoseksual, atau perempuan yang tertarik secara emosional, seksual dan fizikal terhadap perempuan (Kamus Dewan, 2007). Pasangan LGBT sangat tertarik untuk melakukan hubungan seks luar tabii dengan cara liwat (*sodomy*) atau *musahaqah* (*lesbianism*).

Dalam Islam, lesbianisme disebut sebagai *musahaqah*. Namun, ada sedikit perbezaan antara istilah lesbian, pengkid dan tomboi dari sudut kecenderungan (Manual Islam & Mak Nyah, 2003; Noor Hafizah Haridi, et. al., 2016). Menurut disiplin fiqh, hukum pergaulan dengan golongan gay dan lesbian *diquyas* dengan remaja tampan (*al-amrad*) berdasarkan tiga aspek iaitu hubungan sesama jenis, memiliki perwatakan yang tampan atau cantik, tetapi masih mengekalkan perwatakan jantina asal.

3.2 Hubungan al-Amrad Dengan LGBT

Setiap mukalaf adalah tertakluk kepada hukum syarak mencakupi dua bahagian, iaitu tuntutan dan jadian (*wadi'*). Sehubungan itu, setiap perlakuan mukalaf; lelaki dan perempuan adalah terangkum dalam hukum tuntutan, iaitu wajib, sunat, harus, makruh atau haram, atau hukum jadian (*wad'i*), iaitu syarat, sah, batal dan tegahan. Hukum taklifi tersebut

Al-Amrad menurut bahasa ialah seorang remaja tiada bulu janggut di pipinya. Fuqaha memberikan istilah *al-amrad* ialah anak muda yang belum tumbuh janggutnya, dan belum tiba masa tumbuh bulu pada kebiasaannya

(Ibrahim Mustafa, et. al, t.th; al-Sharbini, 1994, Mahmud Yunus, t.th; al-Marbawi, 1990). Fuqaha membahagikan hukum *amrad* kepada dua bahagian. Pertama *al-amrad* yang biasa, tidak segak atau cantik. Maka hukum pergaulan dengan remaja ini adalah sama seperti hukum pergaulan dengan semua lelaki lain atau perempuan dengan perempuan yang lain. Kedua *al-amrad al-jamil* atau *al-amrad al-hasan* (remaja tampan). Skema pengukur remaja tampan ialah;

وَضَائِطُهُ أَنْ يَكُونَ جَمِيلًا بِحَسَبِ طَبْعِ النَّاطِرِ وَلَوْ كَانَ أَسْوَدَ لَأَنَّ الْحُسْنَ يَخْتَلِفُ بِاخْتِلَافِ
الطَّبَاعِ

Terjemahan: Pengukuran *al-amrad* ialah seorang yang tampan menurut tabiat (kecenderungan) orang yang memandangnya meskipun dia berkulit hitam. Ini kerana kecantikan bersifat subjektif menurut perbezaan tabiat (al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 2007).

Remaja boleh menimbulkan fitnah dengan sebab memiliki rupa yang tampan sebagai kelakian atau memiliki rupa yang cantik, mirip kewanitaan secara semula jadi. Remaja yang tampan menjadi perbualan khusus oleh fuqaha kerana wujudnya suatu sebab yang lain, iaitu kemungkinan fitnah yang berat. Tahap fitnah lebih menebal dan membahayakan ketika tinggal satu rumah yang berkait secara langsung dengan keadaan rumah, kedudukan bilik air, ruang rehat, dapur, pandang memandang, berjabat tangan, tidur satu bilik dengan berkongsi satu tilam dan lain-lain.

Al-Zuhayli (2006) menakrifkan *mukhanath* ialah seorang lelaki tetapi menyerupai wanita pada penampilan, perwatakan, perhiasan atau fizikal seperti kelembutan tingkah laku, linggang lengguk gaya jalaran dan memanjakan suara yang menyerupai watak kewanitaan. Dalam bahasa harian dipanggil pondan, mak nyah atau *transgender*. Manakala *mutarrajilah* ialah seorang perempuan tetapi berperwatakan menyerupai lelaki dari sudut fizikal, percakapan, jalaran dan kelakuan. Dalam bahasa kita dipanggil tomboi atau pengkid yang termasuk dalam kumpulan lesbian. Fuqaha membahagikan *mukhannath*, termasuk juga *mutarajjilah* kepada dua jenis iaitu; .

- i). Lelaki perwatakan semula jadi dari kelahiran, bukan baru mendatang, bukan sebab sengaja berwatak seperti perempuan dalam berhias, berbicara dan bergaya. Golongan ini tidak termasuk dalam celaan Allah SWT, namun mereka perlu berusaha memperbaiki perwatakan tersebut agar kembali normal sebagai kelakian (selepas ini disebut *mukhannasth asli*). Dalam masyarakat Melayu, golongan ini dipanggil lelaki lembut

yang menjalani kehidupan normal dengan berkahwin dan beranak-pinak dan bermasyarakat (Farahwahida & Sharifah, 2011).

- ii). Lelaki berperwatakan bukan semula jadi, tapi baru mendatang dengan sebab sengaja berhias, berbicara dan bergaya seperti perempuan (Selepas ini disebut pondan). Sama juga seorang perempuan secara sengaja menyerupai perwatakan dan penampilan lelaki (selepas ini disebut pengkid). Golongan inilah yang dimaksudkan golongan yang diharamkan, dilaknat, dicela dan layak dikenakan tindakan undang-undang selagi tidak bertaubat *nasuha*.

Mukhannath berbeza dengan *khunsa* dari segi biologinya. *Khunsa* ialah insan yang memiliki dua jantina berbeza sejak lahir ataupun sewaktu lahir atau juga selepas daripada kedua-dua period ini. *Khunsa* terbahagi kepada dua iaitu *khunsa wadhih* (nyata) dan *khunsa musykil* (tidak nyata) (Manual Mak Nyah, 2013).

Kajian ini menumpukan pergaulan dengan *al-amrad* dan *al-mukhannath* untuk dijadikan landasan teori memahami batasan pergaulan dengan LGBT. Umumnya, pergaulan antara sesama jantina dalam konteks LGBT dipecahkan kepada dua bahagian;

- i). Pergaulan antara jantina sejenis, iaitu lelaki antara lelaki dan perempuan sesama perempuan. Kedua-duanya mengekalkan perwatakan lelaki seperti gay, manakala wanita mengekalkan perwatakan wanita seperti lesbian.
- ii). Pergaulan antara satu jantina yang mengubah perwatakan, penampilan, percakapan, gaya berjalan dan kehidupan kepada lawan jantina asalnya, iaitu lelaki menyerupai perempuan seperti mak nyah dan pondan, manakala perempuan menyerupai lelaki seperti pengkid dan tomboi.

3.3 Pandangan Umum Islam Terhadap LGBT

Apa yang zahir pada zaman Rasulullah SAW bergaul dengan ketertiban golongan *mukhannath asli* sehingga ke tahap mereka memasuki rumah-rumah isteri Rasulullah SAW dengan memelihara adab-adab pergaulan. Abu Fadhl Zain al-Din al-Iraqi (T.th) menegaskan memadai untuk memahami sikap Rasulullah SAW terhadap golongan pondan dengan mengkaji dua hadis di bawah;

أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ أَخْبَرَتْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَهَا وَفِي الْبَيْتِ مُحَنَّتٌ فَقَالَ لِعَبْدِ اللَّهِ أَخِي أُمِّ سَلَمَةَ يَا عَبْدَ اللَّهِ إِنْ فُتِحَ لَكُمْ غَدَا الطَّائِفُ فَإِنِّي أَذُوكَ عَلَى بِنْتِ غَيْلَانَ فَإِذَا تَقَبَّلُ بِأَرْبَعٍ وَتُدْبِرُ بِثَمَانٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا يَدْخُلَنَّ هَؤُلَاءِ عَلَيْكَ

Terjemahan: Dari Umm Salamah r.a, bahawa Nabi SAW masuk di sisinya sedang bersama Umm Salamah seorang mukhannath. (Baginda) mendengar dia berkata kepada kepada Abdullah saudara lelaki Umm Salamah: wahai Abdullah, jika Allah membukakan bumi Taif besok, saya akan tunjukkan kepadamu anak perempuan Ghailan (untuk berkahwin bernama Badiyah), kerana bila dia mengadap (kelihatan) empat (lipatan) dan membelakangi dengan lapan (lipatan kerana gemuk). Lantas Nabi SAW bersabda: Jangan benarkan lelaki-lelaki ini masuk ke rumah-rumah kalian.

[Sahih al-Bukhari: 5887]

Manakala hadis kedua Abu Hurairah r.a meriwayatkan;

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى بِمُحَنَّتٍ قَدْ خَضَبَ يَدَيْهِ وَرَجَلَيْهِ بِالْحِنَاءِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ « مَا بَالُ هَذَا ». فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ يَتَشَبَّهُ بِالنِّسَاءِ. فَأَمَرَ بِهِ فَنُفِيَ إِلَى النَّقِيعِ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا نَقْتُلُهُ فَقَالَ « إِنِّي مُهِيتٌ عَنْ قَتْلِ الْمُصَلِّينَ

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi SAW didatangkan seorang mak nyah yang telah diwarnai kedua-dua tangan dan kakinya dengan inai, lalu Nabi SAW bertanya, “ Ada apa dengan orang ini? Lalu dijawab; Wahai Rasulullah, dia menyerupai perempuan, Maka diperintahkan untuk dibuang daerah ke Naqi’. Sahabat bertanya; Wahai Rasulullah adakah kami harus membunuhnya? Baginda menjawab; Saya dilarang untuk membunuh orang-orang yang solat.

[Sunan Abi Dawud no. hadis: 4930; Sunan al-Kubra al-Baihaqi, no. hadis: 17742). Albani berpendapat hadis ini sahih. Manakala al-Arna’uth berpendapat sanadnya daif disebabkan Abi Yasar dan Abi Hisham tidak dikenali].

Hadis Umm Salamah r.a di atas perlu dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, situasi *mukhannath asli* diharuskan memasuki rumah-rumah isteri Rasulullah SAW, dan pergaulan ini berlangsung dengan penuh kesopanan dan ketertiban. Keadaan kedua, apabila pondan berada dalam rumah, setelah

Rasulullah SAW mendengar suara lembutnya atau penyerupaan wanita daripada suara, barulah Rasulullah SAW menghalaunya keluar dari rumah Umm Salamah r.a. Al-Baihaqi (1991) menukilkan pondan berkenaan dikatakan bernama Hit (هُيْت), Mani' (مَانِع) atau Hanab (هَنْب).

Ibn Battal (2003) dalam *Sharh Sahih al-Bukhari* memperincikan hadis riwayat Abu Hurairah r.a ketika dan waktu larangan tersebut berlaku. Rasulullah SAW pada awalnya bersikap terbuka, menerima kehadirannya dan tidak mencela *mukhannath asli* ketika mula-mula bertemu dengannya. Hal ini berdasarkan pernyataan di bawah;

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ إِذَا رَأَى الْمُخَنَّثَ لَمْ يَنْكَرْ الْخِنْتَ مِنْهُ

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah tatkala melihat *mukhannath* tidak mengingkarinya (sifat asal) kelembutan itu.

Rasulullah SAW juga melayannya dan tidak meminta dikeluarkan serta merta ketika mula pertemuan tersebut berlaku, tetapi Baginda SAW bertindak dengan tegas setelah berlaku salah satu tiga perkara di bawah;

- i). Melihat pada kedua-dua tangan dan kaki mereka memakai inai yang pada uruf merupakan perhiasan yang dikhususkan kepada kaum wanita.
- ii). Mengetahui dan mampu menilai sifat-sifat seorang wanita kemudian menceritakan kepada seorang lelaki ajnabi. Maka Rasulullah SAW melarangnya memasuki kawasan perempuan. Hal ini menunjukkan bahaya pergaulan antara pondan bersama perempuan bila tanpa hijab sehingga dia mampu menilai kecantikan dan keburukannya seseorang perempuan yang akan mendedahkan kepada lelaki.
- iii). Keluar rumah dan bergaul dengan masyarakat dalam keadaan menzahirkan secara terbuka menyerupai silang jantina dengan memakai inai di jari dan kaki. Perkara ini merupakan suatu kesalahan yang perlu dikenakan tindakan tegas oleh pemerintah supaya tidak menjejaskan kepentingan awam. Maka Rasulullah SAW bertindak atas kapasiti ketua negara menjatuhkan hukuman membuang daerah.

Justeru, tidak benar tuduhan yang dilempar oleh segelintir masyarakat bahawa golongan pondan dipulau atau didiskriminasi pada zaman awal Islam. Perlu dibezakan antara *mukhannath asli* dengan pondan jadian. 'Al-'Ibad al-Badr (2018) menjelaskan bahawa Islam mengharamkan mencela ain peribadi

seseorang. Celaan ditujukan kepada sifat dan perwatakannya. Ini kerana sifat laknat boleh wujud dengan sebab durhaka dan akan hilang dengan taubat;

أَنَّ اللَّعْنَ بِالْوَصْفِ سَائِعٌ وَجَائِزٌ وَقَدْ جَاءَتْ الْأَحَادِيثُ الْكَثِيرَةُ فِي اللَّعْنِ الْأَوْصَافِ لَا
بِالْأَعْيَانِ

Terjemahan: Sesungguhnya laknat yang ditujukan kepada sifat adalah dibolehkan dan harus. Banyak hadis yang datang dengan celaan pada sifat-sifat, bukan ain peribadi.

Ibn Battal (2003) menukilkan pandangan al-Tabari bahawa celaan kepada pondan disebabkan kelembutan dan menyerupai watak seorang wanita. Tindakan tegas Rasulullah SAW di atas menunjukkan bahayanya gerakan LGBT dan ini dikukuhkan lagi dengan pendapat daripada Jabir bin Abdillah RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَحْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِي عَمَلُ قَوْمِ لُوطٍ

Terjemahan: “Sesungguhnya yang paling aku takut ditimpa kepada umatku amalan seperti kaum Lut.”

[Al-Tirmidhi, no. hadis: 1457; Ahmad, no. hadis: 15133; al-Hakim, no. hadis: 8057. Al-Arna'ut berpendapat sanad hadis daif]

3.4 Larangan Menyerupai Silang Jantina

Kesetiaan terhadap identiti jantina adalah suatu tanggungjawab terhadap fitrah yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Islam menekankan lelaki dan perempuan memiliki identiti jantina yang jelas dan peranan masing-masing. Kajian Meilani (2022) menunjukkan bahawa golongan LGBT mengalami gangguan psikologi, iaitu kebingungan atau kecelaruan identiti, perbandingan identiti dan tolerasi identiti secara berturut-turut berdasarkan persekitaran gaya hidup, pergaulan dan pengalaman yang dilalui. Sehubungan itu, Islam mengharamkan semua bentuk penyerupaan (*tashabbuh*) silang jantina, iaitu lelaki dengan perempuan dan perempuan dengan lelaki bagi memelihara struktur sosial yang sihat dan sejahtera. Rasulullah SAW bersabda;

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ
بِالرِّجَالِ

Terjemahan: Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang yang menyerupai kaum lelaki daripada kalangan perempuan.

[Al-Bukhari no. Hadis: 5885]

Sepakat ulama mengharamkan penyerupaan (*tashabbuh*) silang jantina (Ibn Battal, 2003; al-Zuhayli, 2006). Hikmat pengharaman tersebut demi memelihara kesetiaan dan kemurnian fitrah terhadap identiti jantina. Allah SWT menciptakan ciri khusus bagi setiap jantina sesuai dengan fitrah peranannya. Atiyyah Saqar (1997) menegaskan hukum haram penyerupaan (*tashabbuh*) bertolak daripada tindakan atau kesengajaan (*qasad*) menyerupai silang jantina sama ada perkataan, perbuatan, pakaian, peng gayaan dan mengubah bentuk fizikal badan. Budaya songsang ini menyebabkan tersebar nya fahaman *unisex*, iaitu satu kefahaman yang tidak menyediakan pemisah antara lelaki dengan perempuan. Mutakhir ini wujud golongan anak-anak gadis yang membedung payu daranya, memakai pakaian lelaki dan bergaya seperti lelaki. Manakala golongan lelaki pula membentuk buah dada dan menyuntik *silikon* dan membuat pembedahan menukar jantina (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2015).

3.5 Memandang Kepada Gay atau Lesbian

Hukum asal bagi lelaki memandang lelaki atau perempuan memandang perempuan adalah harus secara ijmak. Namun, apabila terdapat kemungkinan timbul fitnah daripada pandangan tersebut, ulama memperincikan hukumnya berdasarkan kaedah *sadd al-zara'i*. Zaydan (1994) menyatakan;

وَالْأَصْلُ أَنَّ كُلَّ مَا كَانَ سَبَبًا لِلْفِتْنَةِ فَإِنَّهُ لَا يَجُوزُ حَيْثُ يَجِبُ سَدُّ الدَّرِيْعَةِ إِلَى الْفَسَادِ إِذَا لَمْ
يُعَارِضْهَا مَصْلَحَةٌ وَلِهَذَا النَّظَرُ الَّذِي يُفْضَى إِلَى الْفِتْنَةِ مُحَرَّمًا إِلَّا كَانَ لِمَصْلَحَةٍ رَاجِحَةٍ

Terjemahan: (Hukum) asal bahawa setiap perkara yang menjadi penyebab kepada fitnah adalah tidak harus (haram). Dengan maksud, wajib menutup pintu fitnah (*sadd al-zara'i*) yang membawa kepada fasad, selagi ianya tidak mengetepikan maslahat. Berdasarkan pemerhatian ini, sesuatu yang melimpahkan fitnah ialah haram, kecuali bagi situasi maslahat yang rajih.

Pandangan yang terlebih sahih (*asah*) bagi mazhab Shafie adalah haram memandang wajah remaja tampan, bergaul dengannya dan berkhawat dengannya secara mutlak sama ada dengan syahwat atau tiada syahwat kecuali ada keperluan (al-Nawawi, 1997; al-Sharbini, 2020; Zakariya al-Ansari, 2000). Ibn Hajar al-Haithami (2021) mengemukakan hujah di bawah;

كَانَ أَيْمَةُ السَّلَفِ وَالْخَلَفِ رِضْوَانُ اللَّهِ تَعَالَى عَلَيْهِمْ يُخَالِطُونَ الْمُرَدَّ لِلتَّعْلِيمِ وَمَعَ ذَلِكَ كَانُوا
يُسَمُّوهُمْ الْأَنْتَانِ وَيَقُولُونَ إِنَّ فِتْنَتَهُمْ أَشَدُّ مِنْ فِتْنَةِ النِّسَاءِ فَحَيْثُ حُشِيَ مِنْ مُحَالَطَتِهِمْ

Terjemahan: Ulama salaf dan khalaf mengauli remaja tampan kerana pendidikan, tetapi dalam keadaan yang sama mereka menamakan mereka sebagai “bau yang fasad”. Mereka berkata; Sesungguhnya fitnah mereka lebih besar daripada fitnah perempuan disebabkan kebimbangan (fitnah) pergaulan dengan mereka.

Maksud yang kehendaki dengan bau ialah hal-hal yang buruk atau fasad. Perkataan bau dipinjamkan oleh ulama untuk menzahirkan mereka menghidu sesuatu yang keburukan dari pergaulan remaja tampan jika tidak berhati-hati, akan membinasakan (Ibrahim Mustafa, 1972).

Pendapat kedua atau pendapat yang sahih bagi mazhab al-Shafie adalah harus memandang remaja tampan jika tanpa apa-apa penyertaan syahwat (al-Sharbini, 2020). Manakala jumhur pula berpendapat harus memandang kepada remaja tampan dalam pergaulan biasa, terutama dalam hubungan kekeluargaan seperti bapa dengan anak atau abang dengan adik, kecuali dengan penyertaan syahwat atau wujud fitnah (al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 2007).

Al-Syarbini (1994), Zakariya al-Ansari (2000) dan al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (2007) menukilkkan bahawa hukum memandang kepada remaja tampan adalah haram secara ijmak jika wujud syahwat atau bermain-main dengan kelazatan syahwat (*talazzut*) dan pada ketika tidak aman dari fitnah. Al-Sharbini (2020) menukilkkan pandangan al-Subki yang meletakkan ukuran pandangan syahwat ialah;

الْمُرَادُ بِالشَّهْوَةِ أَنْ يَكُونَ لِقْصْدِ قَضَاءِ وَطَرٍ بِمَعْنَى أَنَّ الشَّخْصَ يُحِبُّ النَّظَرَ إِلَى الْوَجْهِ الْجَمِيلِ
وَيَلْتَمِذُ بِهِ

Terjemahan: Dimaksudkan dengan syahwat bahawa memandang dengan tujuan memenuhi hajat dan keinginan, iaitu bahawa seseorang menyukai menatap wajah tampan dan ia mengambil kelazatan (syahwat) dengannya.

Sehubungan itu, dalam masalah seorang lelaki biasa memandang lelaki gay atau seorang perempuan biasa memandang perempuan lesbian kami berpendapat adalah harus semata-mata memandang tanpa apa-apa syahwat dengan langkah berhati-hati. Keadaan menjadi haram bila dikhuatiri mendatangkan syahwat dan fitnah. Manakala bagi lelaki gay memandang seorang lelaki tampan atau seorang lesbian memandang seorang perempuan cantik adalah haram kecuali ada keperluan yang rajih kerana wujud sasaran fitnah disebabkan kecederungan seks sejenis dalam jiwa mereka.

3.6 Berjabat Tangan Dengan Gay Atau Lesbian

Hukum asal berjabat tangan atau bersalaman lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan adalah sunat. Tetapi khilaf ulama dalam isu berjabat tangan dengan remaja tampan kerana wujud sasaran syahwat yang mengundang fitnah. Jumhur mengharuskan seorang lelaki biasa berjabat tangan dengan remaja tampan dengan syarat tidak disertakan dengan apa-apa syahwat dan aman fitnah (al-Nawawi, 1997; al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 2007). Walau bagaimanapun al-Nawawi (1997) menyarankan sikap hati-hati dalam isu berjabat tangan dengan remaja tampan ini berdasarkan;

كُلُّ مَنْ حَرَّمَ النَّظَرَ إِلَيْهِ حَرَّمَ مَسَّهُ

Terjemahan: Setiap yang haram memandangnya, haram menyentuhnya

Namun tiada khilaf antara jumhur dengan mazhab Shafie mengharamkan bersalaman dengan remaja tampan dengan syahwat atau maksud mengambil nikmat kelazatan (*talazzuz*) kerana kebimbangan fitnah yang amat besar. Zakariya al-Ansari (2000) pula menegaskan haram seorang lelaki mencium remaja tampan dalam apa jua keadaan, termasuk dia mencium pipinya semasa bersalaman kerana baru tiba dari permusafiran.

Dalam permasalahan wuduk, bersentuhan kulit tanpa lapitan dengan remaja tampan tidak membatalkan wuduk di sisi mazhab Shafie (al-Syarbini, 1994). Manakala satu pandangan Imam Ahmad dan mazhab Maliki batal wuduk bersentuhan dengannya sekiranya dengan syahwat.

Kesimpulannya, berpendapat yang mengharamkan bergaul dan bersalaman dengan golongan gay atau lesbian kecuali mempunyai keperluan adalah lebih kuat dan sesuai dipraktikkan menurut *sadd al-zara'i* disebabkan;

- i) Golongan gay dan lesbian perlu lebih berwaspada, kerana mereka bebas bergaul secara terbuka dan tertutup dengan jantina sejenis, keluar makan bersama, duduk sebilik, membonceng motosikal tanpa disedari oleh umum.
- ii) Pada zaman ini golongan LGBT yang perwatakan gay dan lesbian mudah dikenali, menonjolkan diri dan secara terbuka melancarkan gerakan-gerakan tertentu memperjuangkan hak-hak mereka (Manual Mak Nyah, 2013).

Dalam situasi yang sama, haram berdua-duaan antara seorang gay dengan seorang lelaki dan seorang perempuan dengan seorang lesbian kecuali ada keperluan terdesak dan aman daripada fitnah. Ini kerana kecenderungan seks songsang kepada sejenis amat kuat. Malah kami mengingatkan kewajiban mereka menjaga aurat dengan sempurna ketika mana pergaulan dalam rumah atau bilik. Mazhab Shafie amat menekankan aurat lelaki sesama lelaki antara pusat dengan lutut dengan syarat aman daripada fitnah. Ketika wujud kemungkinan fitnah, wajib menutup pada bahagian yang memungkinkan menarik perhatian seperti dada dan bahu.

3.7 Batasan Aurat Dalam Rumah

Aurat bermaksud aib, cacat dan kurang yang memalukan diri sendiri dan memalukan orang yang melihatnya. Aurat yang terdedah akan memberi kesan tertentu, terutama bagi orang yang melihatnya. Bagi pihak yang berkaitan, aurat yang terbuka akan menimbulkan rasa malu pada dirinya sedangkan bagi yang melihatnya akan timbul perasaan yang kurang baik seperti terangsang, berahi, jelik, malu dan lain-lain (Ibn Manzur, 1990; Hasan Muarif, 2004). Istilah aurat ialah bahagian tubuh yang wajib ditutup, haram mendedahkannya, melihatnya dan menyentuhnya menurut syarak. (al-Sharbini, 1994; 'Abd al-Fatah, 1993). Rasulullah SAW bersabda;

لَا يَنْظُرُ الرَّجُلُ إِلَى عَوْرَةِ الرَّجُلِ وَلَا الْمَرْأَةُ إِلَى عَوْرَةِ الْمَرْأَةِ

Terjemahan: Seorang lelaki haram memandang aurat seorang lelaki (lain) dan seorang perempuan haram memandang aurat seorang perempuan (lain).

[Sahih Muslim: 338]

Al-Nawawi (1997) menegaskan bahawa;

فَسَتْرُ الْعَوْرَةِ عَنِ الْعُيُونِ وَاجِبٌ بِالْإِجْمَاعِ

Terjemahan: Menutup aurat daripada pandangan-pandangan (ajnabi) adalah wajib dengan ijmak.

Justeru, walaupun seseorang berada dalam rumahnya sendiri, dia tetap wajib memelihara hak-hak aurat apabila bergaul dengan seseorang sama ada sesama jantina atau berbeza jantina menurut syarat-syarat tertentu.

4. Dapatan Dan Rumusan

4.1 Pengaruh Pergaulan Dalam Rumah

Rumah merupakan sebuah tempat bagi kediaman bagi manusia yang biasanya didiami oleh ahli keluarga bagi sesebuah keluarga. Ciri-ciri rumah mempunyai dinding dan bumbung yang dapat melindungi daripada pandangan luar, cuaca dan penceroboh. Rumah mempunyai ruang-ruang tertentu seperti ruang tamu, ruang makan, bilik tidur, bilik air, dapur, balkoni, tempat letak kereta dan tangga. Reka bentuk rumah juga pelbagai seperti rumah tunggal, rumah berkembar, rumah bersambung, rumah pangsa dan rumah tradisional (Kamus Dewan, 2007).

Pergaulan dalam rumah adalah pecahan daripada istilah *al-ikhtilat* secara menyeluruh. Mohd Azhar (2021) memberikan maksud pergaulan dalam rumah ialah;

اجْتِمَاعُ بَعْضِهِمْ مَعَ بَعْضٍ فِي الْبَيْتِ الَّذِي يَسْكُنُونَ فِيهِ سِوَاءِ بَيْنَ مَحْرَمٍ مُؤَبَّدٍ أَوْ مَحْرَمٍ مُؤَقَّتٍ أَوْ أَجْنَبِيٍّ

Terjemahan: Perhimpunan antara ahli-ahli dalam sebuah rumah yang mereka diami sama ada antara mahram abadi, mahram sementara atau ajnabi.

Kelaziman pergaulan dalam rumah lebih tertumpu kepada bentuk hubungan kekeluargaan dengan aktiviti-aktiviti kehidupan normal seperti berkelamin, makan minum, tidur, belajar dan berehat. Mereka menjadikan rumah sebagai tempat tetap dan banyak meluangkan masa di dalamnya.

Pergaulan dalam rumah mempunyai pengaruh yang besar. Namun, sesetengah masyarakat memandang remeh berkaitan ketertiban pergaulan

dalam rumah. Pergaulan adalah mencakupi apa jua aktiviti hubungan sesama manusia sama ada sesama lelaki, sesama perempuan atau berlawanan jantina yang berlaku sama ada bersama mahram atau bukan mahram. Ianya mempunyai impak jangka pendek dan jangka panjang kepada kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara serta agama. Mohd Azhar (2021) menyertakan lima sebab kepada pengaruh pergaulan dalam rumah;

- i). Pelbagai Jenis pertalian. Pergaulan dalam rumah bukan melibatkan kalangan mahram abadi sahaja, tetapi kadang kala melibatkan mahram sementara seperti adik ipar atau ajnabi seperti orang gaji atau sepupu yang tinggal bersama dalam sebuah rumah. Manakala pergaulan luar rumah lazimnya melibatkan lelaki dengan perempuan *ajnabiyyah* sahaja.
- ii). Tempoh masa lebih lama. Pergaulan dalam rumah melibatkan lebih banyak masa dan lebih panjang berbanding pergaulan luar rumah. Lazimnya hanya 8-10 jam manusia berada di luar rumah, manakala baki 12-14 jam berada di rumah. Apatah lagi kanak-kanak sebelum baligh hingga 7 tahun yang bergaul dalam rumah hampir 15 jam. Tahap umur ini adalah sangat mudah terpengaruh dengan persekitarannya sehingga dikatakan 70% daripada persekitarannya berpengaruh dalam membentuk sikap.
- iii). Ruangan yang terhad. Pergaulan luar rumah berlaku dalam ruangan yang lebih terbuka seperti sekolah, pejabat dan kenderaan. Tetapi pergaulan dalam rumah berlaku dalam ruangan rumah yang terhad dan terbatas. Maka bersentuhan, berpandangan dan bercakap akan lebih banyak dan kerap berlaku.
- iv). Kekerapan pertemuan dengan individu yang sama. Pertemuan dalam rumah lebih kerap berlaku dalam kalangan individu yang sama di ruangan makan, bilik, dan ruang tamu. Kadang kala kekerapan berlaku dalam tempoh yang lama. Manakala pertemuan luar rumah adalah sebaliknya.
- v). Bilangan ahli dalam rumah. Pergaulan luar rumah melibatkan lebih daripada 3 orang dalam pelbagai bidang dan aktiviti. Namun, pergaulan dalam rumah boleh berlaku khalwat apabila wujud mahram sementara atau ajnabi yang berada di dalam sesebuah rumah tanpa kehadiran mahram abadi.

4.2 Larangan Tinggal Serumah Dengan LGBT Tanpa Keperluan

Ulama Islam bersepakat bahawa amalan hubungan songsang sesama jantina adalah haram, berdosa besar dan fasiq yang menjejaskan sifat adil, sekali gus kredabiliti kesaksian mereka boleh dipertikaikan. Kajian yang dijalankan di Malaysia mendapati bahawa menunjukkan bahawa 70 peratus responden beragama Islam tidak mengiktiraf golongan LGBT. Perlakuan songsang adalah suatu kesalahan jenayah syariah dan juga sivil yang diperuntukkan hukuman yang berat (Onga et. al, 2018; Mahfudzah, 2020; Berita Harian, 2018). Merujuk situasi yang sama, Islam mengambil sikap hati-hati berkaitan pergaulan dengan gay dan lesbian walaupun tanpa syahwat, termasuk memandang, memberi dan menjawab salam, menjawab salam.

Sehubungan itu, tinggal serumah apatah lagi berdua-duaan dengan gay atau lesbian khususnya bagi golongan yang sengaja mengubah perwatakan, penampilan dan fizikalnya menyerupai silang jantina berdasarkan kaedah adalah diharamkan berdasarkan kaedah umum sebagaimana penegasan oleh Zaydan (1994);

وَالْأَصْلُ أَنَّ كُلَّ مَا كَانَ سَبَبًا لِلْفِتْنَةِ فَإِنَّهُ لَا يَجُوزُ حَيْثُ يَجِبُ سَدُّ الدَّرِيعَةِ إِلَى الْفَسَادِ إِذَا لَمْ يُعَارِضْهَا مَصْلَحَةٌ

Terjemahan: (Hukum) asal bahawa setiap perkara yang menjadi penyebab kepada fitnah adalah tidak harus (haram). Wajib menghalangnya (*sadd al-zara'i*) daripada keburukan selagi mana (ianya) tidak bertentangan dengan maslahat.

Sasaran utama bagi LBGT ialah jantina sejenis, bukan silang jantina. Pada amnya, mereka mempunyai rangsangan seks songsang dan mereka kurang terangsang kepada silang janita. Oleh itu, seorang lelaki memandang gay, pondan atau seorang perempuan memandang tomboi boleh merangsang mereka secara sadar atau tidak, langsung atau tidak langsung. Apatah lagi jika LGBT memandang lelaki biasa yang segak atau perempuan yang cantik. Hal ini merupakan fitnah yang amat besar kerana mereka saling bergaul sesama jantina yang menjerumus kepada amalan seks songsang lesbian dan sodomi yang terlaknat. Keadaan ini memberi ruang yang luas kepada mereka bergaul secara terbuka dan di tempat tertutup tanpa prasangka umum.

Pada zaman globalisasi secara nyata membuktikan gerakan LGBT semakin berkembang melalui persatuan-persatuan NGO secara terbuka memperjuang hak-hak mereka. Golongan ini mendapat sokongan kuat daripada pihak luar dalam bentuk material dan moral, malah mereka berani

mencabar pihak kerajaan dalam kes-kes melibatkan mereka seperti isu penukaran jantina dalam MyKid dan bidang kuasa mahkamah Syariah. Dalam pada itu, golongan ini melancarkan gerakan mencari ahli-ahli baru, terutama di pusat-pusat pengajian tinggi yang menjejaskan misi sahsiah mahasiswa.

Al-Sharbini (2020) menegaskan kewajaran pengharaman ini kerana pergaulan dengan golongan homoseksual kerana sasaran fitnah;

لَإِنَّهُ مَظْنَةُ الْفِتْنَةِ وَهُوَ كَالْمَرْأَةِ .. بَلْ هُوَ أَعْظَمُ إِثْمًا مِنَ الْأَجْنَبِيَّةِ لِأَنَّهُ لَا يَحِلُّ بِحَالٍ

Terjemahan: Sesungguhnya remaja tampan ialah tempat sasaran fitnah. Sehubungan itu, ia (*digiyas*) seperti perempuan...bahkan ia lebih besar dosa daripada perempuan *ajnabiyyah*, kerana dia tidak halal dalam apa jua keadaan.

Kajian JAKIM merekodkan kebanyakan LGBT bermula sejak di bangku sekolah terutamanya berasrama khususnya bagi kanak-kanak dan remaja lelaki berusia 12 hingga 15 tahun. Kementerian Kesihatan Malaysia mendedahkan statistik pada tahun 2018 bahawa 94 peratus jangkitan kes HIV disebarkan melalui hubungan seksual, di mana hubungan seks sejenis menyumbang 57 peratus kepada keseluruhan kes manakala seks antara berlainan jantina membentuk 37 peratus kes (Berita Harian, 2018; Astro Awani, 2019).

5. Kesimpulan

Islam mempunyai sikap yang jelas dalam isu pergaulan dengan warga LGBT. Golongan *mukhannath* asli diraikan atas perwatakan lembut semula jadi hingga dibenarkan keluar masuk dalam kawasan perempuan dengan menjaga ketertiban. Manakala pergaulan dengan golongan yang sengaja mengubah fitrah jantina bertentangan dengan nilai-nilai moral agama dan negara. Islam dan negara kita pernah mendiskriminasi golongan ini dengan bukti mereka diberikan hak pendidikan, jawatan dalam perkhidmatan awam dan lain-lain. Apa yang menjadi isu ialah penampilan *transgender* dan amalan seks songsang. Amalan tersebut merupakan budaya hidup kaum Lut, berdosa dan jenayah yang menghancurkan ketamadunan. Pihak masyarakat perlu menyedari dan berkerjasama dengan pihak kerajaan bagi menangani masalah ini. Tinggal serumah dengan golongan LGBT perlu dilakukan dengan ilmu dan kesedaran serta hati-hati. Apatah lagi berdua-duaan dengan gay atau lesbian khususnya bagi golongan gay atau lesbian yang tegar adalah

diharamkan jika membawa kepada fitnah berdasarkan kaedah *sadd al-zara'i*. Hal yang demikian adalah kerana, sasaran utama bagi golongan LGBT ialah jantina sejenis bukan silang jantina. Mereka mempunyai rangsangan seks songsang dan mereka kurang terangsang kepada silang jantina.

Rujukan

- ‘Abd al-Fattah M. I. (1993). *Ahkam al-Awrah fi al-Fiqh al-Islami Bath Muqaran*. Kaherah: Universiti al-Azhar.
- Al-‘Ibad al-Badr. (2018). *Sharh Sunan Abu Dawud*. T.tmp.
- Al-Ansari, Z. (2000). *Asna al-Matalib fi Shar Rawd al-Talib*. Tahqiq: Dr. Muhammad Muhammad Tamir. Beyrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Aleh, S. S. M., Haridi, N. H. M., Sudi, S., & Jodi, K. H. M. (2020). Program dakwah Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS terhadap komuniti LGBT: satu tinjauan awal. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 136-148.
- Al-Iraqi., Z. D. (T.th). *Tarh al-Tathrib*, T.tmp.
- Al-Marbauwi, Muhammad Idris al-Marbauwi. (1990). *Kamus Al-Marbauwi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. (2007). Kuwait: Wazarah al-Awqaf wa al-Su'un al-Islamiyyah al-Kuwaitiyyah.
- Al-Nawawi, M. D. (1997). *Al-Majmu' 'ala Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sharbini, M. K. (2020). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Manhaj*. T.tmp: Dar al-Muhajir.
- Al-Sharbini. S. K. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli. (2006). *Wahbah. Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ambary, H. M. (2004). *Ensiklopedia Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru.
- Astro Awani, “Lebih separuh kes jangkitan HIV pada 2018 berpunca daripada hubungan seks sejenis”, 1 Disember 2019. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-separuh-kes-jangkitan-hiv-pada-2018-berpunca-daripada-hubungan-seks-sejenis-224216>. Carian: 18/5/2024.
- Berita Harian, “Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM”, 27 Oktober 2018. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim#:~:text=JAKIM%20mendedahkan%2C%20anggota%20masyarakat%20gay,berbanding%20seramai%2010%2C000%20pada%201988>. Carian: 18/5/2024.
- Haridi, N. H., Rahman, K. A. A., & Wazir, R. (2016). Metodologi dakwah terhadap golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*, 9(2), 103-119. Puteri Hayati Megat Ahmad dan Nurul Hadani Md Naw. 2015. “Latar belakang, Faktor Pengekalan dan Pandangan Terhadap Tingkah Laku Mahasiswa Lelaki Kecelaruan Identiti Gender”, h. 2, artikel, Universiti Malaysia Sabah.
- Ibn Battal. (2003). *Syarh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Tahqid: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim, Maktabah al-Rusyd, Riyadh.
- Ibn Hajar al-Haythami. (1983). *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-Haythami. (2021). *Al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Ibrahim Mustafa. (1972). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2015). Siri 5: Isu Transgender, Tasyabbuh Atau Penyerupaan: Hukumnya (Edisi Kemaskini). 16 Oktober 2015. Umar Mukhtar Mohd Noor. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1820-siri-5-isu-transgender-tasyabbuh-atau-penyerupaan-hukumnya-edisi-kemaskini>. Carian: 21/11/2024.
- Jamal, S. H. (2018). Memahami konsep lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dari konteks sosial. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam* (pp. 7-8).
- Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laile, J. (1996). *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahfudzah binti Mohamad, "Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Satu Tinjauan Dari Perspektif Undang-Undang Syariah", h. 14, artikel, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Carian: 25 Mac 2020.
- Mahmud Yunus. (1972). *Kamus Arab-Indonesia*. T.tmp: Mahmud Yunus.
- Manual Mak Nyah. (2013). Putra Jaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Marsudi, M. S., & Sundari, A. R. (2022). Kesejahteraan Psikologis Pria Gay (Suatu Studi Fenomenologis). *Psikologi Kreatif Inovatif*, 2(3), 56-66. Mohd Azhar, Abdullah. (2021). *Pedoman Pergaulan Antara Lelaki Dengan Perempuan*. Kota Bharu: Mahaad Tahfiz al-Quran Darul Huffaz.
- Onga, R., Mohd Mokhtar, R. A., & Mohad, A. H. (2018). Fatwa Pembedahan Pertukaran Jantina di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 49-61. Al-Sharbini, Muhammad Bin al-Khatib. (1994). *Al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Shuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Saqar, A. (1997). *Tashbih bi al-Jaisain*. Fatwa al-Azhar. Mesir: Wazirah al-Awqaf.
- Siti Fatimah binti Abdul Rahman. (2005). Al-Quran Tidak Jelas Tentang Homoseksualiti? <https://www.ikim.gov.my/index.php/2005/03/03/al-quran-tidak-jelas-tentang-homoseksualiti/>. Carian: 16/5/2024.
- Yusof, F. M., & Timmiati, S. M. (2011). Lelaki lembut: Faktor dan kesannya kepada pembentukan sahsiah mahasiswa. *Jurnal Teknologi*, 113-150.
- Zaydan, A. K. (1994). *Al-Mufasssal fi al-Ahkam al-Mar'a wa al-Bit al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Syria: Mu'asasah al-Risalah.